

Pemudah teliti laporan Bank Dunia

PUTRAJAYA 23 Feb. - Pasukan Petugas Khas Pemudaha-cara Perniagaan (Pemudah) yang ditubuhkan awal bulan lalu memulakan mesyuarat pertama hari ini dengan tumpuan diberikan kepada laporan Bank Dunia berhubung kerenah birokrasi yang dihadapi pelabur di negara ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan yang mengetuai Pemudah berkata, perkara lain yang turut dibincangkan dalam mesyuarat hampir empat jam itu termasuk rungutan peniaga mengenai kerenah tersebut.

"Sektor swasta juga mempunyai pandangan mereka sendiri mengenai apa yang perlu diperbaiki dalam mesyuarat ini.

"Mesyuarat pertama ini bukan untuk sesi suai kenal. Kita sudah kenal maka kita terus melihat kepada isu yang dibangkitkan dan isu itu pula bukannya baru kerana ia melibatkan kajian Bank Dunia, dialog Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan urusan lain yang tidak selesai," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Pada 8 Februari lalu, kerajaan mengumumkan penubuhan dan keanggotaan Pemudah dalam usaha menambah baik sistem penyampaian kerajaan terutama yang berkaitan dengan perjalanan ekonomi negara.

Pemudah diketuai Mohd. Sidek untuk sektor awam manakala sektor swasta pula oleh Presiden Persekutuan Pkilang-Pekilang Malaysia (FMM), Datuk Yong Poh Kon.

Sementara mereka yang lain yang dipilih di kalangan sektor awam dan swasta ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Izzuddin Dali dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Mente-



SIDEK HASSAN

ri (ICU), Tan Sri Khalid Ramli bagi sektor awam.

Bagi sektor swasta pula, antara wakil-wakilnya ialah Presiden Dewan Perdagangan Malaysia-Amerika, Datuk Nicholas S. Zeffreys; Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Datuk Azman Shah Harun dan Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Antarabangsa Malaysia, Mike Krishnan.

Sebelum ini laporan Bank Dunia antara lain menyatakan Malaysia dilihat sebagai sebuah negara yang terlalu banyak prosedur sehingga menyukarkan pelabur.

Ditanya apa yang disuarakan oleh sektor swasta dalam Pemudah, Mohd. Sidek berkata:

"Benda-benda itu isunya ialah memudahkan dan banyak isu itu mungkin yang mudah, kita tengok mana yang boleh diselesaikan dengan segera dan kita tengok secara asas mengenai usaha memudahkannya.

"Kita juga tengok kalau ada undang-undang yang tidak perlu dibawa ke Parlimen dalam proses memudahkan prosedur tetapi butiran lanjut masih belum diperolehi," katanya.

Beliau menambah, ahli jawatankuasa Pemudah akan bermesyuarat sekali lagi iaitu pada Jumaat minggu keempat bulan depan.